



12 September 2012  
12 September 2012  
P.U. (B) 283

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

*APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 2012

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(2) Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012 [*Akta A1440*], Menteri menetapkan 15 September 2012 sebagai tarikh Akta itu mula berkuat kuasa.

Bertarikh 11 September 2012  
[KP/PUU/0.440/W/BD/9; PN(U2)2867]

DATO' SERI KONG CHO HA  
*Menteri Pengangkutan*

**ROAD TRANSPORT (AMENDMENT) ACT 2012**  
**APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION**

IN exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Road Transport (Amendment) Act 2012 [*Act A1440*], the Minister appoints 15 September 2012 as the date on which the Act comes into operation.

Dated 11 September 2012  
[KP/PUU/0.440/W/BD/9; PN(U2)2867]

**DATO' SERI KONG CHO HA**  
*Minister of Transport*

**D.R. 29/2012**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

2. Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif "barangan" takrif yang berikut:

"basikal elektrik" ertinya sikal dengan bantuan kayuh yang dilengkapi dengan motor elektrik sokongan yang mempunyai kuasa berkadar berterusan yang maksimum 0.25 kW, dengan outputnya berkurangan secara beransur-ansur dan akhirnya terhenti apabila

kendaraan mencapai kelajuan 25 km/j atau sebelumnya jika penunggang sikal berhenti mengayuh;’;

- (b) dalam teks bahasa Inggeris dalam takrif “electronic motor vehicle”, dengan menggantikan perkataan “electronic” dengan perkataan “electric”; dan
- (c) dalam takrif “lalu lintas”, dengan memasukkan selepas perkataan “basikal,” perkataan “basikal elektrik,”.

### **Pindaan seksyen 5**

#### **3. Subseksyen 5(1) Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “tiga ribu” perkataan “lima ratus”;
- (b) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan “melebihi tiga ribu” dengan perkataan “tidak melebihi tiga ribu lima ratus”; dan
- (c) dalam perenggan (f), dengan memasukkan selepas perkataan “tiga ribu” perkataan “lima ratus”.

### **Pindaan seksyen 14**

**4. Subseksyen 14(4) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “boleh didenda” perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan”.**

### **Pindaan seksyen 15**

**5. Subseksyen 15(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi” dengan perkataan “tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada”.**

### **Pindaan seksyen 17**

**6. Subseksyen 17(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (bb) perenggan yang berikut:**

- “(bc) berhubung dengan suatu kelas atau kategori kenderaan motor yang dikehendaki menjalani pemeriksaan berkala